

Penyelidikan dan Penulisan Berkaitan Fatwa: Analisis Bibliometrik Tesis Malaysia dalam Talian (MyTO) Selama Empat Dekad

[Fatwa-Related Research and Writing: A Bibliometric Analysis of Malaysian Thesis Online Over Four Decades]

Abdul Azib Hussain¹, Hamidi Abdul Ghani², Uwais Aqili Mohd Zain² & Mohd Azhar Abdullah²

¹ (Corresponding Author) Department of Syariah, Ismail Petra Internasional Islamic College University, 15730 Kota Bharu, Malaysia. E-mail: azibhussain83@gmail.com

² Department of Syariah, Ismail Petra Internasional Islamic College University, 15730 Kota Bharu, Malaysia. E-mail: al_humaidi011@yahoo.com; uwais.zain@gmail.com; dr.har68@gmail.com

ABSTRACT

A fatwa is a legal opinion from the mufti, whether binding or not, on issues that arise in Islamic society. Many researchers have conducted writing and research in the field of fatwas, leading to the publication of numerous theses, dissertations and scientific exercises on this subject. The creation of an Electronic Theses (ETD) initiative, known as Malaysian Thesis Online (MyTO), aims to manage the collection of theses and dissertations from both public and private universities in Malaysia. This article aims to present a bibliographic analysis of articles and studies related to fatwas found in MyTO during four decades (1979-2022). The research employed statistical and bibliometric methods to compile and analyse electronically accessible data from the database. Data was obtained by exploring the MyTO online database using keyword searches like "fatwa". The survey results showed approximately 129 publications related to the research topic in various fields of debate and types of research, either in Malay, Arabic, or English. The results of the study showed that the trend of writing and developing fatwa studies changes over time. Researchers can identify strengths, weaknesses, research styles, opportunities for fatwa-related writing, and future research directions with its assistance.

Keywords: Bibliometric analysis; Fatwas research; Malaysian Thesis Online (MyTO); Four decades

ABSTRAK

Fatwa ialah pendapat hukum daripada mufti, sama ada mengikat atau tidak, mengenai isu-isu yang timbul dalam masyarakat Islam. Banyak kajian telah menjalankan penulisan dan penyelidikan dalam bidang fatwa yang membawa kepada penerbitan pelbagai tesis, disertasi dan latihan ilmiah mengenai bidang ini. Penciptaan inisiatif Tesis Elektronik (ETD), dikenali sebagai *Malaysian Thesis Online* (MyTO) bertujuan untuk menguruskan koleksi tesis dan disertasi di universiti awam atau swasta di Malaysia. Artikel ini bertujuan untuk membentangkan analisis bibliografi artikel dan kajian berkaitan fatwa yang terdapat dalam MyTO dalam tempoh empat dekad (1979-2022). Kaedah penyelidikan menggunakan analisis statistik dan kaedah bibliometrik untuk menulis dan menyelidik data-data yang boleh diakses secara elektronik daripada pangkalan data. Data diperoleh melalui carian kata kunci seperti “fatwa” yang diteroka melalui pangkalan data dalam talian MyTO. Hasil tinjauan menunjukkan terdapat kira-kira 129 penerbitan berkaitan topik kajian dalam pelbagai bidang perbahasan dan jenis penyelidikan sama ada dalam bahasa Melayu, Arab atau Inggeris. Hasil kajian menunjukkan trend penulisan dan pembangunan kajian fatwa berubah mengikut peredaran zaman. Ia juga dapat membantu penyelidik mengenal pasti kekuatan, kelemahan, gaya penyelidikan dan peluang penulisan berkaitan fatwa serta hala tuju penyelidikan lanjutan yang boleh dilaksanakan pada masa hadapan.

Kata Kunci: Analisis bibliometrik; Penyelidikan fatwa; *Malaysian Thesis Online* (MyTO); Empat dekad

How to Cite:

Received: 15-10-2024

Revised: 14-11-2024

Accepted: 17-11-2024

Published: 20-11-2024

Hussain, A. A., Ghani, H. A., Zain, U. A. M. & Abdullah, M. A. (2024). Penyelidikan dan Penulisan Berkaitan Fatwa: Analisis Bibliometrik Tesis Malaysia dalam Talian (MyTO) Selama Empat Dekad. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 5(2), 71-92.

1. Pendahuluan

Fatwa berasal daripada perkataan Arab iaitu *al-fatwa* atau *al-futya*. Ia merupakan kata terbitan (*masdar*) dengan maksud *al-ifta'*, iaitu jawapan kepada sesuatu persoalan (Ibn Manzur, 1414H). Menurut al-Raghib (1412H), *al-fatwa* atau *al-futya* bermaksud menjawab kemosykilan berkaitan hukum-hakam. Menurut ‘Ali Jum’ah (2008) pula, terminologi fatwa bermaksud menerangkan hukum syarak berdasarkan dalil kepada sesiapa yang bertanya mengenainya, sama ada persoalan itu merangkumi realiti sebenar atau selainnya.

Namun menurut Mohd Anuar Ramli et.al (2013), realiti fatwa dalam konteks negara kita Malaysia terbahagi kepada tiga kategori iaitu; Pertama: Jawapan mufti terhadap sebarang persoalan yang diajukan oleh *mustafti* mengenai sesuatu permasalahan lalu diputuskan hukumnya melalui Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa. Kedua: Fatwa yang dikeluarkan sendiri oleh mufti sama ada berbentuk lisan atau tulisan. Dan ketiga: Fatwa-fatwa yang telah diwartakan. Fatwa bagi kategori pertama dan kedua tidak bersifat mengikat atau mempunyai implikasi undang-undang, manakala fatwa bagi kategori ketiga boleh dikenakan undang-undang jika didakwa melanggarnya (Hussain & Ahmad, 2020).

Berdasarkan perbahasan ini, dapat difahami secara umum bahawa fatwa merujuk kepada instrumen pentafsiran hukum syarak oleh mufti terhadap sesuatu persoalan hukum dalam agama yang mana keputusannya berstatus mandatori atau pilihan (Muhamad Shukri Muhamad, 2012; Hussain & Ahmad, 2020).

Kepentingannya kepada masyarakat Islam adalah sangat signifikan kerana ia membimbing umat Islam dalam kehidupan beragama dan menyelesaikan segala permasalahan hukum yang mereka hadapi. Ia juga mempunyai kedudukan yang sangat tinggi sehingga mufti diangkat sebagai pewaris kepada para Nabi dalam menyampaikan hasrat dan kehendak hukum Tuhan (Al-Nawawi, t.t). Sheikh Mahmud Syaltut (1991) menukilkhan dalam mukadimah kitabnya *al-Fatawa* yang berbunyi;

“Umat Islam sejak zaman Rasulullah SAW sehingga ke hari ini telah mengambil hukum agama daripada ulama mereka sebagai satu bentuk tafsiran, iaitu tanpa didahului dengan bertanya soalan seperti kaerah yang digunakan oleh al-Quran. Manakala penjelasan yang didahului dengan persoalan dinamakan sebagai al-fatwa.”

Pada mulanya, pengembangan fatwa hanya berlaku dalam bentuk penjelasan hukum secara lisan yang disampaikan oleh para ulama atau imam-imam mazhab kepada orang yang bertanya. Namun bermula pada abad ke-3 hijrah iaitu zaman *tabi’ al-tabi’in*, terdapat beberapa inisiatif telah diambil oleh imam mazhab atau pengikut-pengikut mereka untuk mengumpul fatwa dengan lebih sistematik. Sebagai contoh, kitab *al-Muwatta’* karangan imam Malik mengandungi hadis-hadis dan fatwa para sahabat Rasulullah SAW.

Amalan penulisan fatwa terus berkembang dan penyelidikan mengenainya juga sentiasa berjalan, seiring dengan perkembangan semasa umat Islam yang menghadapi pelbagai masalah dan persoalan baru dalam kehidupan mereka. Hari ini, khazanah karya dan kajian mengenai fatwa telah

disimpan secara lebih sistematik dalam pangkalan data. Penulisan dan penyelidikan dalam bidang fatwa yang dijalankan oleh para penyelidik dari institusi pengajian tinggi telah direkodkan dalam pelbagai bentuk seperti tesis, disertasi, latihan ilmiah atau buku.

Satu inisiatif dalam bentuk tesis elektronik (*electronic theses dissertation* - ETD) telah diwujudkan untuk menguruskan koleksi tesis dan disertasi sama ada di universiti awam atau swasta di Malaysia, dikenali sebagai *Malaysian Thesis Online* (MyTO). Pangkalan data berpusat ini merupakan khazanah saintifik yang sangat berharga dan ia boleh diakses melalui atas talian secara percuma. Berdasarkan kajian penyelidik, penulisan dan penyelidikan fatwa ditemui dari tahun 1979 hingga 2022 meliputi pelbagai bidang dan topik, mencapai kira-kira 129 buah literatur (MyTO, 2024) dengan 16 tema perbahasan dan jenis penyelidikan merangkumi tesis, disertasi dan latihan ilmiah. Penyelidikan dan penulisan juga ditulis dalam pelbagai bahasa seperti Bahasa Melayu, Arab atau Inggeris. Ini ditunjukkan dalam jadual 1 seperti di bawah:

Jadual 1: Tema dan Jumlah Penulisan serta Kajian Berkaitan Fatwa dalam MyTO Sepanjang 43 Tahun (1979-2022).

Bil.	Tema	Jenis Kajian			Jumlah
		Latihan Ilmiah	Disertasi	Tesis	
1	Fatwa kontemporari			4	4
2	Keberkesanan fatwa			1	1
3	Penyelarasaran fatwa			1	1
4	Perundangan Islam	1		2	3
5	Metodologi fatwa	2	9	29	40
6	Pengurusan fatwa		1	1	2
7	Penerimaan fatwa			4	4
8	Sistem teknologi			1	1
9	Organisasi fatwa	1			1
10	Cabaran fatwa			1	1
11	Peranan fatwa			1	1
12	Institusi fatwa	2	1	13	16
13	Analisis fatwa	6	3	30	39
14	Kesan fatwa			1	1
15	Tokoh	1	1	5	7
16	Ijtihad		3	4	7

Jumlah	13	18	98	129
(Sumber: Penyelidikan, 2024)				

Dalam tempoh antara tahun 1979-2022, penyelidikan dan penulisan berkaitan fatwa sentiasa mengalami trend peningkatan dari tahun ke tahun serta dijangka akan semakin meningkat pada tahun-tahun akan datang. Pun begitu, walaupun sudah banyak penyelidikan dan penulisan mengenai fatwa telah direkodkan di dalam MyTO sepanjang tempoh 43 tahun, namun analisis bibliometrik penyelidikan dan penulisan fatwa sepanjang tempoh tersebut masih belum diterokai. Menyedari perkara ini, kajian ingin mengemukakan analisis bibliometrik penyelidikan dan penulisan berkaitan fatwa dalam MyTO sepanjang tempoh empat dasawarsa sebagai mengisi kelompongan tersebut.

2. Skop Dan Metodologi Kajian

Skop artikel ini hanya melibatkan penulisan dan penyelidikan berkaitan bidang fatwa. Tempoh kajian pula bermula dari tahun 1979 hingga 2022, iaitu selama 43 tahun. Manakala sumber data kajian adalah daripada pangkalan data *Malaysian Thesis Online* (MyTO).

Kajian ini menggunakan reka bentuk mode kualitatif melalui pendekatan kepustakaan. Kajian kualitatif dipilih dalam penyelidikan ini kerana ia lebih memberi penekanan terhadap pemahaman mendalam bagi sesuatu bidang kajian berbanding pengukuran kuantiti atau statistik. Ia juga meneroka kefahaman secara terperinci tentang tajuk kajian serta menyediakan perspektif yang luas dan terperinci (Creswell, 2009). Kajian ini berbeza dengan metode *Systematic Literature Review* (SLR) yang dilakukan dengan cara mengenal pasti, menganalisis, menilai dan mentafsirkan semua hasil penelitian sebelumnya, kemudian dilanjutkan dengan mengenal pasti secara sistematis terhadap artikel yang dipilih (Triandini et.al, 2019). Ini kerana data-data utama berkaitan fatwa yang dikumpul dan dianalisis oleh penyelidik bukan dalam bentuk format artikel, namun ia berupa format bibliografi dalam bentuk katalog rujukan perpustakaan. Oleh itu, metodologi penyelidikan yang lebih sesuai digunakan dalam kajian ini adalah teknik analisis bibliometrik.

Proses pengumpulan data diperolehi menggunakan kaedah carian kata kunci “fatwa” dan pengekstrakan hasil carian daripada pangkalan data MyTO berdasarkan tajuk penerbitan bermula dari tahun 1979 hingga 2022. Dalam proses pengumpulan data, pengkaji menggunakan metode dokumentasi yang dirujuk daripada beberapa sumber seperti maklumat berkaitan fatwa berupa karya melalui perpustakaan dan katalog dalam pangkalan data melalui internet. Proses analisis data pula menggunakan kaedah statistik deskriptif dan

analisis bibliometrik yang dikelaskan mengikut tema, jenis penerbitan, bahasa penulisan, tahun penerbitan dan agensi penerbitan.

3. Sorotan Kajian Literatur

Dalam al-Quran, perkataan fatwa dan derivatifnya mempunyai banyak makna. Antaranya; Pertama: Ia merupakan permohonan hukum bagi sesuatu kemosykilan agama. Contohnya seperti kalimah *yastaftunaka* dalam ayat 127 surah al-Nisa’:

وَيَسْتَفْتُونَكَ فِي النِّسَاءِ قُلْ أَللّٰهُ يُقْرِئُكُمْ فِيهِنَّ

Terjemahan: Dan mereka meminta fatwa kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hak dan kewajipan) kaum perempuan. Katakanlah olehmu: "Allah akan memberi keterangan (fatwa) kepada kamu mengenai mereka. (Al-Nisa’, 4:127)

Al-Razi (1420H) menukilkan pandangan al-Wahidi bahawa maksud *al-istifta'* dalam ayat di atas adalah memohon pandangan hukum iaitu fatwa. Perbahasan maksudnya mempunyai persamaan dengan apa yang dijelaskan oleh Tantawi (t.th) iaitu menghuraikan kemosykilan hukum berkaitan hak yang wajib ditunaikan kepada wanita.

Begini juga ayat 176 surah al-Nisa’:

بَسْتَفْتُونَكَ قُلْ أَللّٰهُ يُقْرِئُكُمْ فِي الْكَلَّةِ

Terjemahan: Mereka (orang-orang Islam umatmu) meminta fatwa kepadamu (wahai Muhammad mengenai masalah kalalah). Katakanlah: "Allah memberi fatwa kepada kamu di dalam perkara kalalah itu. (Al-Nisa’, 4:176).

Menurut Tantawi (t.th), perkataan *yastaftunaka* dalam ayat di atas adalah pecahan daripada kalimah *al-istifta'* iaitu bermaksud menjelaskan kemosykilan berkaitan hukum dan menerangkannya.

Kedua: Ia merujuk kepada permintaan daripada seseorang supaya mentafsirkan sesuatu mimpiinya. Contohnya seperti kalimah *aftuni* dan *aftina*, yang merujuk kepada permintaan rakan-rakan Nabi Yusuf di dalam penjara dan seorang raja supaya mentafsirkan mimpi mereka. Masing-masing dirakamkan oleh Allah SWT dalam ayat di bawah:

وَقَالَ الْمَلِكُ إِنِّي أَرَى سَبَعَ بَقْرَاتٍ سَمَانٍ يَأْكُلُهُنَّ سَبَعٌ عِجَافٌ وَسَبَعَ سُبْلَتٍ حُضْرٌ وَأَخْرَى يَأْسِطُ^١ يَا إِيَّاهَا الْمَلِكُ أَفْتُونِي فِي رُعَيٍّ إِنْ كُنْتُمْ لِرُءَيَا تَعْبُرُونَ

Terjemahan: Dan (pada suatu hari) raja Mesir berkata: "Sesungguhnya aku mimpi melihat: tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus, dan aku melihat tujuh tangkai (biji-bijian) yang hijau dan tujuh tangkai lagi yang kering. Wahai ketua-ketua kaum (yang hadir, terangkanlah kepadaku tentang mimpiku ini, kalau kamu orang yang pandai menafsirkan mimpi. (Yusuf, 12: 43)

Perkataan *aftuni* dalam ayat di atas ditafsirkan oleh Tantawi (t.th) sebagai pentafsiran mimpi dan penjelasan mengenai tanda-tandanya.

يُوْسُفُ أَيُّهَا الْصَّدِيقُ أَفْتَنَا فِي سَبَعَ بَقْرَاتٍ سَمَانٍ يَأْكُلُهُنَّ سَبَعٌ عِجَافٌ وَسَبَعَ سُبْلَتٍ حُضْرٌ وَأَخْرَى يَأْسِطُ^٢ لَعَلَّيْ أَرْجِعُ إِلَى النَّاسِ لَعْلَهُمْ يَعْلَمُونَ

Terjemahan: (Setelah ia berjumpa dengan Yusuf, berkatalah ia): "Yusuf, Wahai orang yang benar (pada segala-galanya)! Tafsirkanlah kepada kami (seorang bermimpi melihat): Tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus; dan tujuh tangkai (biji-bijian) yang hijau serta tujuh tangkai lagi yang kering; (tafsirkanlah) supaya aku kembali kepada orang-orang yang mengutusku itu, semoga mereka dapat mengetahui tafsirannya. (Yusuf, 12:46)

Menurut al-Razi (1420H) pula, perkataan *aftina* dalam ayat di atas mempunyai konotasi yang sama seperti maksud *al-istifta'*. Namun di sini, ia digunakan mengikut konteks yang sesuai iaitu memperkuatkkan penjelasan yang berkaitan dengan mimpi.

Manakala kalimah *tastaftiyan* pula adalah berupa respons balas Nabi Yusuf kepada mimpi-mimpi sahabatnya ketika di dalam penjara. Contohnya seperti ayat di bawah:

يُصَاحِبِي السِّجْنُ أَمَّا أَحَدُكُمَا فَيُسَقِّي رَبَّهُ حَمَرًا وَأَمَّا الْآخَرُ فَيُصَلِّبُ فَنَّاكُلُ الْطَّيْرُ مِنْ رَأْسِهِ^٣ قُضِيَ الْأَمْرُ الَّذِي فِيهِ تَسْتَفِينَانِ

Terjemahan: Wahai sahabatku berdua yang sepenjara! (Takbir mimpi kamu itu ialah): adapun salah seorang dari kamu, maka ia akan memberi minum arak kepada tuannya. Ada pun yang seorang lagi, maka ia akan dipalang, serta burung pula akan makan dari kepalanya. Telah selesailah (dan tetaplah berlakunya) perkara yang kamu tanyakan itu. (Yusuf, 12: 41)

Ayat di atas membawa mesej penyelesaian tafsir mimpi mereka berdua secara sahih selepas diminta penjelasannya daripada Nabi Yusuf AS (Tantawi, t.th).

Ketiga: Memohon pandangan dan mesyuarat. Contohnya seperti kalimah *aftuni* dalam ucapan Ratu Balqis kepada para pembesarnya:

قَالَتْ يَا لِيَهَا الْمَلُوْا أَفْنُونِي فِي أَمْرٍ يِ مَا كُنْتْ قَاطِعَةً أَمْرًا حَتَّىٰ تَشَهُّدُونَ

Terjemahan: Raja perempuan itu berkata lagi: "Wahai ketua-ketua kaum, berilah penjelasan kepadaku mengenai perkara yang aku hadapi ini; aku tidak pernah memutuskan sesuatu perkara sebelum kamu hadir memberi pendapat dan mempersetujuinya. (Al-Naml, 27: 32)

Menurut al-Razi (1420H), ayat di atas bermaksud supaya para pembesar memberikan jawapan terhadap isu yang baru berlaku. Ia mempunyai kaitan dengan kalimah *aftuni* iaitu derivatif yang diambil secara pinjaman (*isti'arah*) daripada perkataan *al-fatiyy* (الفتیّ) yang bermaksud baru atau muda. Ini menunjukkan bahawa antara ciri fatwa ialah ia bersifat isu yang baru berlaku dan mempunyai kekuatannya tersendiri. Manakala menurut Tantawi (t.th), pula ayat di atas bermaksud bermesyuarat dan mengemukakan pandangan.

Daripada semua kalimah fatwa dan kata terbitannya yang dijelaskan di dalam al-Quran, dapat disimpulkan bahawa fatwa adalah permohonan jawapan bagi sesuatu isu baru yang belum pernah berlaku sebelumnya. Permohonan jawapan tersebut barangkali berupa keterangan hukum, pandangan nasihat dan tunjuk ajar atau memberi ilmu. Makna yang sama juga difahami terdapat pada fatwa yang kadang-kadang bersifat *bayan al-hukm* (penjelasan hukum), *irsyadiy* (pengajaran) dan *ta'limiy* (pendidikan ilmu).

Dalam konteks realiti di Malaysia, fatwa boleh dikategorikan kepada tiga bentuk iaitu; Pertama: Penjelasan hukum yang dikeluarkan sendiri oleh mufti sama ada melalui kaedah lisan atau tulisan. Kedua: Jawapan-jawapan mufti ke atas sebarang persoalan yang diajukan oleh *mustafti* mengenai sesuatu permasalahan dan diputuskannya melalui Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa. Ketiga: Fatwa-fatwa yang digazetkan serta diwartakan (Ahmad Hidayat Buang, 2000; Rosele, Hj Abdullah, Hj Ismail, & Ramli, 2013).

Fatwa bagi kategori pertama dan kedua tidak bersifat mengikat dan tiada implikasi undang-undang, namun ia menjadi hujah ke atas *mustafti* untuk akur dan patuh terhadap keterangan hukum dalam menjalani kehidupan beragama. Manakala fatwa bagi kategori ketiga pula bersifat mengikat dan mempunyai peruntukan undang-undang. Oleh itu, sesiapa yang didapati

melanggar ketetapan fatwa tersebut boleh disabitkan kesalahan dan dikenakan tindakan mengikut setakat mana bidang kuasa dan tempat fatwa itu diwartakan (Rosele, Hj Abdullah, Hj Ismail, & Ramli, 2013).

Bagi kajian berbentuk analisis fatwa, ia telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji terdahulu. Namun perbezaan analisis literatur fatwa terdahulu dengan kajian ini dapat ditonjolkan melalui dua dimensi iaitu: Pertama: Menggunakan rujukan pangkalan data yang berbeza. Contohnya seperti kajian Suraiya Osman, Suhaimi Ab Rahman, Yasmin Hanani Mohd Safian dan Elistina Abu Bakar (2022) yang melakukan analisis fatwa dengan merujuk kepada pangkalan data e-SMAF JAKIM. Manakala analisis fatwa oleh Mohd Harifadilah Rosidi, Ahmad Wifaq Mokhtar dan Mohd Nasir Abdul Majid (2021) walaupun sangat mirip dengan kajian penulis yang berbentuk analisis bibliometrik dalam bidang yang sama, namun kajian mereka merujuk kepada pangkalan data dalam talian Elsevier's SCOPUS.

Manakala dimensi perbezaan yang kedua ialah: Gaya persempahan seperti tumpuan dan fokus penyelidikan dalam bidang yang berbeza. Umpamanya kajian Nora'inan Bahari (2014) yang memfokuskan analisis fatwa dalam bidang muamalat sahaja. Kajian Zulfaqar Mamat, Siti Zalikhan Md Nor dan Nasran Mohamed (2011) pula menumpukan analisis pada aspek penulisan fatwa secara deskriptif persejarahan berdasarkan garis masa dan lokaliti. Manakala kajian Ahmad Hidayat Buang (2002) menumpukan analisis dari aspek isu-isu semasa Syariah. Seterusnya beberapa kajian lain mempunyai pendekatan analisis yang sama menggunakan kaedah bibliometrik, namun dalam bidang-bidang yang berbeza. Umpamanya kajian Nik Mohd Naim Ab Rahim, Mohd Hambali Rashid dan Zaharah Mustafa (2017) menonjolkan analisis bibliometrik dalam bidang kajian penerbitan hadis. Tulisan Ram Al Jaffri Saad, Shamharir Abidin, Mohamad Zulkurnai Ghazali, Ahmad Zamil Khalid dan Mohd Syahrir Rahim (2019) pula memfokuskan analisis bibliometrik dalam perakaunan masjid. Artikel Zamimah Osman dan Nuraini Yusoff (2019) pula lebih umum iaitu berkaitan penerbitan berbahasa Melayu dalam Indeks SCOPUS. Seterusnya artikel Nasir, Hasan, Mat Ali, Mahadzir & Mohd Zabidi (2023) mengetengahkan analisis bibliometrik mengenai karya berkaitan tokoh ulama iaitu Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. Dan akhirnya tulisan Nur Afifi Ali, Shumsudin Yabi dan Muhd Yusuf Ismail (2023) menonjolkan analisis bibliometrik berkaitan rancangan televisyen berunsur keagamaan di Malaysia.

4. Dapatan Kajian


Dapatan utama kajian sehingga September 2024, menemui 129 buah literatur penyelidikan dan penulisan mengenai fatwa. Jumlah literatur ini terdiri daripada jenis dan latar belakang penulisan yang berbeza-beza. Kajian ini

mendapati penyelidikan dan penulisan mengenai fatwa dalam MyTO telah bermula sejak 1979 dan berterusan sehingga kini.

4.1 Jenis Penyelidikan dan Penulisan Terbanyak

Dapatkan kajian menemui jenis penyelidikan dan penulisan paling banyak ialah penulisan di peringkat pasca siswazah iaitu 98 (76%) buah kajian terdiri daripada tesis PhD dan master, diikuti oleh disertasi berjumlah 18 (14%) buah karya. Manakala penulisan di peringkat pengajian sarjana muda hanya 13 (10%) buah karya sahaja. Rumusannya seperti dalam rajah 1 di bawah:

Rajah 1: Jenis Penulisan serta Kajian Berkaitan Fatwa antara 1979-2022




(Sumber: Penyelidikan, 2024)

4.2 Jumlah dan Peratus Penulisan Fatwa di Peringkat Pascassiwazah

Analisis juga meninjau jumlah dan peratus penulisan tesis PhD dan master secara lebih terperinci. Dapatkan kajian menemui sejumlah 98 buah penulisan tesis yang dihasilkan seperti dalam rajah 1 di atas. 39 (40%) buah penulisan tesis tersebut adalah terdiri daripada tesis PhD, manakala 59 (60%) buah karya lagi adalah daripada tesis master. Rumusannya seperti rajah 2 di bawah:

Rajah 2: Perincian Jumlah serta Peratus Penulisan Tesis PhD dan Master Berkaitan Fatwa




(Sumber: Penyelidikan, 2024)

4.3 Tema Penyelidikan dan Penulisan Fatwa dalam MyTO Sepanjang 43 Tahun (1979-2022)

Analisis turut mengenal pasti tema-tema penyelidikan dan penulisan tentang fatwa yang terdapat dalam MyTO sepanjang 43 tahun (1979-2022). Dapatkan menunjukkan bahawa terdapat 16 buah tema penyelidikan dan penulisan yang diputuskan iaitu berkisar; [1] Fatwa kontemporari; [2] Keberkesanan fatwa; [3] Penyelarasian fatwa; [4] Perundangan fatwa; [5] Metodologi fatwa; [6] Pengurusan fatwa; [7] Penerimaan fatwa; [8] Sistem teknologi; [9] Organisasi fatwa; [10] Cabaran fatwa; [11] Peranan fatwa; [12] Institusi fatwa; [13] Analisis fatwa; [14] Kesan fatwa; [15] Tokoh, dan; [16] Ijtihad.


Tema penyelidikan dan penulisan tertinggi adalah berkaitan metodologi fatwa yang berjumlah 40 (31%) buah karya dengan masing-masing merangkumi 29 buah tesis, 9 buah disertasi dan 2 buah latihan ilmiah. Seterusnya tempat kedua tertinggi ialah tema penyelidikan dan penulisan berkaitan analisis fatwa dengan jumlah 39 (30%) buah karya terdiri daripada 30 buah tesis, 3 buah disertasi dan 6 buah latihan ilmiah. Kemudian disusuli oleh penyelidikan dan penulisan bertemakan institusi fatwa dengan jumlah 16 (12%) buah karya meliputi 13 buah tesis, 1 buah disertasi dan 2 buah latihan ilmiah. Lain-lain tema kajian menempati jumlah 7 (5%) buah karya ialah berkaitan tokoh dan ijihad. 4 (3%) buah karya pula bertemakan fatwa kontemporari dan penerimaan fatwa. Sementara 7 tema kajian yang terendah hanya sekadar 1 (1%) buah karya sahaja iaitu mengenai keberkesanan fatwa, penyelarasian fatwa, sistem teknologi, organisasi fatwa, cabaran fatwa, peranan fatwa dan kesan fatwa. Rumusannya seperti dalam rajah 3 dan graf 1 di bawah:

Rajah 3: Pecahan Tema dan Jumlah Kajian serta Peratusannya Sepanjang 43 Tahun (1979-2022)



(Sumber: Penyelidikan, 2024)

Graf 1: Jumlah Karya Berkaitan Fatwa Mengikut Tema Kajian



(Sumber: Penyelidikan, 2024)


4.4 Penggunaan Bahasa dalam Penyelidikan dan Penulisan Fatwa

Meninjau dari sudut penggunaan bahasa dalam penyelidikan dan penulisan berkaitan fatwa, terdapat tiga bahasa yang ditonjolkan oleh para pengkaji iaitu

Bahasa Melayu, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Majoriti kajian berkaitan fatwa menggunakan Bahasa Melayu dengan jumlah 89 (69%) buah karya. Pada hemat penulis, demikian ini mempunyai kaitan dengan peruntukan bahasa yang ditetapkan oleh kebanyakan institusi pengajian tinggi supaya sebarang hasil kajian yang diterbitkan digalakkan menggunakan Bahasa Melayu. Contohnya seperti di Universiti Malaya (UM).

Pun begitu, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris juga digunakan dalam penyelidikan dan penulisan berkaitan fatwa dengan masing-masing berjumlah 23 (18%) dan 17 (13%) buah karya. Hal ini juga mempunyai hubungan dengan ketetapan bahasa pengantar utama (*main medium of instruction*) yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sesebuah institusi pengajian tinggi. Contohnya bahasa pengantar yang digunakan dalam pengajian di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) adalah Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab (JPT, 2024). Oleh itu didapati UIA merupakan institusi dan penerbit yang menghasilkan penyelidikan dan penulisan berkaitan fatwa dalam Bahasa Arab dan Inggeris yang paling tinggi dengan jumlah sebanyak 36 buah karya. Perincian bahasa yang digunakan dalam hasil karya dipaparkan dalam carta 1 di bawah:

Carta 1: Bahasa yang Digunakan dalam Penyelidikan dan Penulisan Berkaitan Fatwa antara Tahun 1979-2022




4.5 Trend Penyelidikan dan Penulisan Fatwa dalam Tempoh Empat Dekad

Melihat dari sudut trend penyelidikan dan penulisan berkaitan fatwa dalam tempoh empat dasawarsa, hasil analisis menunjukkan bahawa tempo

penyelidikan dan penulisan ini sentiasa mengalami peningkatan pada setiap tahun bermula tahun 1979 lagi. Penyelidikan dan penulisan paling aktif dilihat berlaku antara tahun 1998 hingga 2002, iaitu melonjak lebih daripada tiga kali ganda berbanding lima tahun sebelumnya (1992 hingga 1997), dengan jumlah penghasilan sebanyak 16 buah karya. Hanya dalam tempoh 2008 hingga 2012 dan 2013-2017 sahaja jumlah penghasilan dilihat selari iaitu masing-masing dengan jumlah penghasilan sebanyak 27 buah karya. Seterusnya tempoh lima tahun mutakhir (2018 hingga 2022) memperlihatkan trend penyelidikan dan penulisan mencapai penghasilan tertinggi iaitu sebanyak 29 buah karya. Ini menunjukkan bahawa para pengkaji sentiasa memberikan perhatian yang signifikan terhadap isu fatwa. Butirannya dipaparkan dalam graf 2 di bawah:

Graf 2: Trend Penyelidikan dan Penulisan Berkaitan Fatwa Antara Tahun 1979 hingga 2022




(Sumber: Penyelidikan, 2024)

4.6 Institusi dan Penerbit berkaitan Fatwa

Merujuk kepada institusi dan penerbit yang menghasilkan penyelidikan dan penulisan berkaitan fatwa, dikesan terdapat 12 buah institusi pengajian tinggi direkodkan dalam MyTO. UM menduduki tangga tertinggi dalam penghasilan karya berbanding institusi-institusi pengajian lain dengan jumlah sebanyak 52 buah karya. Ini mungkin kerana faktor penubuhan UM yang telah bertapak sejak sekian lama serta bertaraf universiti penyelidikan. Seterusnya disusuli oleh UIA dengan penghasilan sebanyak 36 buah karya dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan jumlah penghasilan sebanyak 22 buah karya. Tiga buah institusi dan penerbit berkongsi nilai penghasilan yang sama

iaitu sebanyak 4 buah karya terdiri daripada Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta. Universiti Umm al-Qura, Madinah pula mempunyai penghasilan 2 buah karya, manakala lima institusi dan penerbit yang berbaki masing-masing kekal dengan penghasilan 1 buah karya sahaja. Perbincangan ini dirumuskan dalam dapatan analisis seperti graf 3 di bawah:

Graf 3: Institusi dan Penerbit yang Menghasilkan Penyelidikan dan Penulisan Berkaitan Fatwa



(Sumber: Penyelidikan, 2024)

5. Perbincangan

Perbincangan dalam kandungan ini ingin menghuraikan secara terperinci dapatan bagi analisis bibliometrik terhadap sumber-sumber data yang diekstrak daripada pangkalan data MyTO. Hasil karya yang diperolehi diklasifikasikan kepada tiga jenis kajian iaitu; tesis, disertasi dan latihan ilmiah sarjana muda.

5.1 Tesis

Tesis ertinya dokumen penyelidikan asli yang disediakan dan dihantar oleh pelajar bagi penganugerahan Ijazah Kedoktoran atau Ijazah Sarjana secara penyelidikan (Garis Panduan Penulisan Tesis dan Disertasi, 2021). Sebahagian institusi pendidikan lain pula mendefinisikan tesis sebagai laporan kajian akademik yang dikemukakan oleh pelajar bagi memenuhi syarat keperluan program pengajian Peringkat Kedoktoran seperti Doktor Falsafah dan Doktor Pendidikan (Buku Garis Panduan Penulisan Disertasi/Tesis, 2018).

Tesis yang dimaksudkan dalam artikel ini merangkumi tesis di peringkat pengajian ijazah kedoktoran dan sarjana. Hasil analisis mendapati penulisan dan penyelidikan di peringkat pasca siswazah berkaitan fatwa telah bermula sejak 1979 lagi, iaitu satu penyelidikan bagi tesis ijazah kedoktoran.

Sepanjang tempoh kajian ini, keberhasilan penyelidikan di peringkat tesis PhD berkaitan fatwa paling banyak berlaku pada tahun 2012 dan 2018 iaitu masing-masing berjumlah 4 buah tesis. Manakala tesis sarjana berkaitan bidang ini pula banyak dihasilkan pada tahun 2016, 2018 dan 2019 dengan masing-masing berjumlah 5 buah tesis. Namun, kegersangan penyelidikan fatwa di peringkat pengajian PhD pernah berlaku secara berturut-turut dalam tempoh 7 tahun (1995, 1997, 1998, 1999, 2000, 2001 dan 2002) apabila menyaksikan sifar keberhasilan penyelidikan. Manakala di peringkat sarjana pula hanya 2 tahun (1979 dan 2004) kekosongan penyelidikan fatwa berlaku.

Walaupun jumlah penulisan tesis antara PhD dan sarjana adalah ketara, namun pada tahun 2005 terdapat persamaan jumlah tesis dihasilkan oleh kedua-dua peringkat pengajian iaitu masing-masing berjumlah 2 buah tesis. Perbandingan nisbah keseluruhan hasil penyelidikan fatwa antara PhD dengan sarjana dengan jumlah 39:59 adalah 1 nisbah 1.5. Tema kajian yang mendominasi penyelidikan dan penulisan di peringkat ini pula adalah tertumpu kepada analisis fatwa iaitu sebanyak 30 buah literatur (2003 - 1 buah; 2004 - 1 buah; 2009 - 2 buah; 2010 - 4 buah; 2011 - 1 buah; 2012 - 2 buah; 2013 - 1 buah; 2014 - 1 buah; 2015 - 1 buah; 2016 - 5 buah; 2017 - 3 buah; 2018 - 3 buah; 2019 - 2 buah, dan; 2020 - 1 buah).

Maklumat berkaitan perbincangan yang diutarakan di atas diterjemahkan dalam jadual 2 seperti di bawah:

Jadual 2: Keberhasilan Penyelidikan dan Penulisan Fatwa di Peringkat Tesis PhD dan Sarjana Mengikut Tahun

Bil.	Tahun	Jumlah Tesis		Jumlah
		PhD	Sarjana	
1	1979	1		1

2	1995	1	1
3	1997	1	1
4	1998	2	2
5	1999	3	3
6	2000	3	3
7	2001	1	1
8	2002	2	2
9	2003	1	4
10	2004	2	2
11	2005	2	4
12	2006	1	3
13	2007	1	2
14	2008	1	2
15	2009	1	4
16	2010	2	5
17	2011	3	4
18	2012	4	5
19	2013	3	5
20	2014	2	3
21	2015	1	3
22	2016	2	7
23	2017	2	6
24	2018	4	9
25	2019	1	6
26	2020	3	4
27	2021	1	3
28	2022	1	2
Jumlah		39	59
			98 (76%)

(Sumber: Penyelidikan, 2024)

5.2 Disertasi

Disertasi pula bermaksud dokumen penyelidikan yang disediakan dan dihantar oleh pelajar bagi penganugerahan Ijazah Sarjana secara mod campuran (Garis Panduan Penulisan Tesis dan Disertasi, 2021). Ia juga dimaksudkan sebagai laporan kajian akademik yang dikemukakan oleh pelajar

bagi memenuhi syarat keperluan program pengajian Sarjana Mod Penyelidikan/ Sarjana Mod Penyelidikan dan Kerja Kursus (Buku Garis Panduan Penulisan Disertasi/Tesis, 2018).

Dapatan kajian memperolehi jumlah penulisan disertasi berkaitan fatwa di peringkat ijazah iaitu sebanyak 18 buah karya. Sumbangan penulisan disertasi dikesan telah bermula pada tahun 1991 dan berakhir pada tahun 2013. Majoriti terbesar data kajian ini dihasilkan oleh Universiti Malaya.

Jumlah tertinggi keberhasilan kajian di peringkat disertasi adalah sebanyak 3 buah karya iaitu pada tahun 2006. Manakala tahun-tahun yang berbaki hanya menunjukkan keberhasilan penulisan sebanyak 1 dan 2 buah literatur sahaja. Tema penulisan yang paling banyak dihasilkan pada peringkat kajian ini adalah berkaitan metodologi fatwa iaitu sebanyak 9 buah disertasi (1997 - 1 buah; 1999 - 1 buah; 2002 - 1 buah, 2004 - 1 buah; 2005 - 1 buah; 2006 - 1 buah; 2011 - 2 buah, dan; 2012 - 1 buah). Perbahasan dalam hal ini dipaparkan dalam jadual 3 seperti di bawah:

Jadual 3: Keberhasilan Penyelidikan dan Penulisan Fatwa di Peringkat Disertasi Mengikut Tahun

Bil	Tahun	Jumlah Disertasi
1	1991	1
2	1997	1
3	1999	2
4	2001	1
5	2002	1
6	2003	1
7	2004	2
8	2005	1
9	2006	3
10	2008	1
11	2011	2
12	2012	1
13	2013	1
Jumlah		18 (14%)

(Sumber: Penyelidikan, 2024)

5.3 Latihan Ilmiah

Para pelajar di peringkat sarjana muda dan diploma telah dilatih menjalankan penyelidikan dan kajian mereka sejak tahun 1992 lagi. Semua latihan ilmiah yang mengkaji berkaitan fatwa disumbangkan karyanya oleh Universiti Islam Antarabangsa bermula tahun 1992 hingga tahun 2021.

Terdapat tiga belas buah latihan ilmiah yang dihasilkan. Tahun 2008 menunjukkan keberhasilan latihan ilmiah yang tertinggi iaitu sebanyak 3 buah literatur. Manakala kedua tertinggi pula dihasilkan pada tahun 2011 iaitu sebanyak 2 buah literatur. Tema kajian yang mendominasi latihan ilmiah adalah berkaitan analisis fatwa iaitu sebanyak 6 buah karya (2008 - 2 buah; 2013 - 1 buah; 2018 - 2 buah, dan; 2020 - 1 buah).

Perbincangan dalam perkara ini dirumuskan dalam jadual 4 seperti di bawah:

**Jadual 4: Keberhasilan Penyelidikan dan Penulisan Fatwa
di Peringkat Latihan Ilmiah Mengikut Tahun**

Bil	Tahun	Jumlah Disertasi
1	1992	1
2	1995	1
3	1999	1
4	2004	1
5	2008	3
6	2013	1
7	2015	1
8	2018	2
9	2020	1
10	2021	1
Jumlah		13 (10%)

(Sumber: Penyelidikan, 2024)

6. Kesimpulan

Artikel ini telah mencapai objektifnya iaitu membincangkan tentang penyelidikan dan penulisan berkaitan fatwa yang terdapat di dalam pangkalan data MyTO menggunakan analisis bibliometrik. Skop kajian bermula dari tahun 1979 hingga 2022 iaitu selama 43 tahun. Hasil penyelidikan menunjukkan terdapat sejumlah 129 buah karya yang direkodkan di dalam

MyTO terdiri daripada 16 bentuk tema dan tiga jenis penyelidikan iaitu; tesis, disertasi dan latihan ilmiah.

Hasil kajian ini ingin merumuskan beberapa perkara berkaitan perbincangan iaitu; Pertama: Peluang penyelidikan fatwa yang lebih besar boleh diterokai pada masa akan datang adalah berkaitan tema metodologi dan analisis fatwa kerana tema ini telah mempunyai sumber literatur kajian terdahulu yang banyak. Kedua: Antara kekuatan sesama penyelidikan fatwa kontemporari yang boleh diterokai adalah penggunaan kaedah kuantitatif, analisis pangkalan data yang lebih besar dan penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam menganalisis trend penulisan fatwa. Ketiga: Kelemahan penyelidikan fatwa kontemporari masih boleh diperbaiki dari sudut tumpuan bidang iaitu tidak hanya memfokuskan bidang agama sahaja, namun kajian boleh diperluaskan melalui pendekatan gabung jalin antara disiplin ilmu yang berbeza seperti sosiologi, psikologi, teknologi, perubatan dan banyak lagi. Keempat: Gaya dan keutamaan kaedah penyelidikan baru juga boleh diterokai menggunakan metode seperti *Systematic Literature Review* (SLR). Dan kelima, kajian ini masih mempunyai jurang dengan kajian-kajian lain dari sudut analisis bibliometrik ke atas penulisan fatwa berbentuk artikel jurnal atau buku. Penyelidikan ini mungkin boleh diperluaskan lagi pada pangkalan data yang lebih besar seperti *database* internet, perpustakaan dan lain-lain.

Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian daripada output geran penyelidikan yang bertajuk “Analisis Penulisan dan Kajian Fatwa di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia” (KIAS/40312/KRG23/038) yang dibiayai oleh Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kota Bharu Kelantan.

Rujukan

- ‘Ali Jum’ah. (2008). *Sina’ah al-Ifta’*. Ed. 1. Giza: Nahdah Misr
- Ab Rahim, N. M. Z., Rashid, M. H., & Mustaffa, Z. (2018). Analisis bibliometrik terhadap bahan penerbitan berhubung kaedah berinteraksi dengan hadith Nabawi. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2017 (INSAN 2017)*, Ayer Keroh, Malacca, Malaysia, 1-2 November 2017. Retrieved from <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/orang.php/hsp/article/view/1166>
- Ahmad Hidayat Buang. (2000). “Analisis fatwa-fatwa semasa di Malaysia”. Kertas kerja *Seminar Kakitangan Jabatan Syariah dan Undang-undang* di APIUM, 9 September 2000
- _____. (2002). Analisis fatwa-fatwa semasa Syariah di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 10(1), 39–52. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/orang.php/JS/article/view/22896>
- Buku Garis Panduan Penulisan Disertasi/Tesis. (2018). <https://ips.upsi.edu.my/wp-content/uploads/2020/10/Garis-Panduan-Penulisan-Tesis-Kemaskini-151020.pdf>

- Creswell, J. W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. 3rd ed. Thousand Oaks, CA: Sage Publications
- Garis Panduan Penulisan Tesis dan Disertasi. (2021). <https://pps.kuipsas.edu.my/wp-content/uploads/2022/01/Garis-Panduan-Penulisan-Edisi-2-DIS-2021.pdf>
- Hussain, A. A., & Ahmad, M. K. (2020). Kajian Evaluatif Terhadap Kepatuhan Fatwa dalam Program Cinta Ilmu di TV Alhijrah. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 1(1), 89-106
- Ibn Manzur, Abu al-Fadl Jamaluddin Muhammad bin Mukrim bin 'Ali. (1414H). *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar Sadir
- JPT (Jabatan Pendidikan Tinggi). (2024). Pengenalan IIUM. Retrieved November 14, 2024, from <https://online.mohe.gov.my/epanduan/maklumatAgenisy/UY>
- Nasir, K., Hasan, I., Mat Ali, M. A., Mahadzir, A. H., & Mohd Zabidi, A. Z. (2023). *Penulisan dan kajian berkaitan Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (1931-2015): Analisis bibliometrik sepanjang tiga dasawarsa: Writings and studies related to Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (1931-2015): Bibliometric analysis over three decades. Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 8(1), 1014–1026. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v8i1.349>
- Mahmud Syaltut. (1991). *Al-fatawa*. Kaherah: Dar al-Syuruk
- Mohd Anuar Ramli et. al. (2013). "Konflik Fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal". *Jurnal Fiqh* 10.
- Mohd Harifadilah Rosidi, Ahmad Wifaq Mokhtar dan Mohd Nasir Abdul Majid. (2021). Tinjauan penyelidikan fatwa di Malaysia: Kajian pangkalan data dalam talian menggunakan Scopus. *Proceeding of the 8th Orang Conference on Management and Muamalah 2021 (IcoMM 2021)*. <http://conference.kuis.edu.my/icomm/8th/images/021-092.pdf>
- Muhamad Miziazam Yahya, Mansor Sulaiman & Hasan Ahmad. (2018). Penyelarasan fatwa dan kaedah penyelesaiannya di Malaysia: Suatu kajian literatur. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 3(1), 22–35. <https://journal.ump.edu.my/ijhtc/article/view/821/159>
- Muhammad Shukri Muhamad. (2012). "Kriteria dan panduan pengeluaran fatwa menurut ahli sunnah wal jama'ah". *Muzakarah pakar: Garis panduan dan piawaian pengeluaran fatwa peringkat kebangsaan*. 24 Oktober 2012. Dewan Senat Universiti Sains Islam Malaysia
- MyTO- fatwa. (2023). [Upm.edu.my. http://myto.upm.edu.my/find/Search/Results?sort=year+asc&page=12&lookfor=fatwa&type=AllFields](http://myto.upm.edu.my/find/Search/Results?sort=year+asc&page=12&lookfor=fatwa&type=AllFields)
- Al-Nawawi, Abi Zakariyya Muhyi al-Din. (t.t). *Al-majmu' syarh al-muhazzab*. Jeddah: Maktabah al-Irsyad
- Nik Mohd Naim Ab Rahim, Mohd Hambali Rashid dan Zaharah Mustafa. (2017). Analisis bibliometrik terhadap bahan penerbitan berhubung kaedah berinteraksi dengan hadith nabawi. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2017 (INSAN 2017)*. Ayer Keroh, Melaka, Malaysia. 1 – 2 November 2017
- Nora'inan Bahari. (2014). Fatwa muamalat di Malaysia: Satu kajian literatur. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi Jilid I*, Isu II (2014) 34 – 55. <http://lms.kuis.edu.my/jurnal/wp-content/uploads/2015/01/JPI008.pdf>
- Nur Afifi Ali, Shumsudin Yabi dan Muhd Yusuf bin Ismail. (2023). Analisis bibliometrik terhadap kajian berhubung rancangan televisyen berkonsep keagamaan di Malaysia. *Jurnal al-Sirat. Vol. 01, No. 23. (2023)*

- Osman, Z., & Yusoff, N. (2020). Pola dan potensi penerbitan berbahasa Melayu dalam indeks Scopus: *PENDETA*, 11(2), 85–96. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.7.2020>
- al-Raghib al-Asfahani, Abu al-Qasim al-Husin bin Muhammad. (1412H). *Al-Mufradat fi Gharib al-Quran*. Ed. 1. Safwan Adnan al-Dawudi, Beirut: Dar al-Qalam
- Ram Al Jaffri Saad, Shamharir Abidin, Mohamad Zulkurnai Ghazali, Ahmad Zamil Khalid dan Mohd Syahrir Rahim. (2019). Analisis bibliometrik bagi kajian perakaunan masjid. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*. Vol. 2, No. 8 [June, 2019] 188-199
- Al-Razi, Fakhr al-Din Muhammad bin ‘Umar bin al-Hasan. (1420H). *Mafatih al-Ghaib: al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabiyy
- Rosele, M. I., Hj Abdullah, L., Hj Ismail, P., & Ramli, M. A. (2013). Konflik fatwa di Malaysia: Satu kajian awal. *Jurnal Fiqh*, 10, 31–56. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol10no1.2>
- Suraiya Osman, Suhaimi Ab Rahman, Yasmin Hanani Mohd Safian dan Elistina Abu Bakar. (2022). Analisis fatwa di Malaysia berkaitan penggunaan atribut Islam dalam perniagaan. *E-Proceeding (Extended Abstract) SAIS 2022 Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2022*. Nilai: Penerbit USIM <https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/19593/1/Analisis%20Fatwa%20Di%20Malaysia%20Berkaitan%20Penggunaan%20Atribut%20Islam%20Dalam%20Perniagaan.pdf>
- Tantawi, Muhammad Sayed. (t.th). *Al-Tafsir al-Wasit li al-Quran al-Karim*. t.tp: T.p.
- Triandini, E., Jayanatha, S., Indrawan, A., Werla Putra, G., & Iswara, B. (2019). Metode Systematic Literature Review untuk Identifikasi Platform dan Metode Pengembangan Sistem Informasi di Indonesia. *Indonesian Journal of Information Systems*, 1(2), 63–77. <https://doi.org/10.24002/ijis.v1i2.1916>
- Zamimah Osman dan Nuraini Yusoff. (2019). Kajian bibliometrik penerbitan berbahasa Melayu dalam indeks SCOPUS. *Seminar Antarabangsa Susatera, Bahasa dan Budaya Nusantara*. <https://penerbit.unimap.edu.my/images/pdf/Sutera%202019/751-762.pdf>
- Zulfaqar Mamat, Siti Zalikhan Md Nor dan Nasran Mohamed. (2011). Penulisan fatwa dan sumbangannya dalam perkembangan ilmu fiqh. *Jurnal Penyelidikan Islam*. Bil. 24. 2011/1422H. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)